

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 24 JANUARI 2022  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 38

### MRL jangka catat 37 peratus kemajuan pembinaan ECRL 2022

#### MRL jangka catat 37 peratus kemajuan pembinaan ECRL 2022

**KOTA BHARU** - Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL) menjangka mencatat lebih 37 peratus kemajuan melibatkan kerja-kerja pembinaan Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutif MRL, Datuk Seri Darwis Abdul Razak berkata, ia merangkumi kerja-kerja pembinaan seperti kerja-kerja jambatan dan cerucuk di empat buah negeri yang terlibat.

Menurutnya, untuk proses pengambilan tanah, Pahang, Terengganu dan Selangor masih sedang berjalan dan dilaksanakan sebaik mungkin manakala negeri Kelantan pula telah siap sepenuhnya.

“Kerja-kerja pembinaan projek ECRL di Kelantan telah mencatat kemajuan sebanyak 16.35 peratus bagi kerja-kerja infrastruktur setakat Disember 2021 yang melibatkan kerja-kerja tanah, kerja-kerja jambatan dan kerja cerucuk di 18 buah lokasi,” katanya kepada pemberita di sini pada Khamis lalu.

Darwis sebelum itu menghadiri Program 'Mesra ECRL'



Darwis (tiga dari kanan) menunjukkan pelan laluan ECRL di Kelantan kepada Shafien di majlis berkenaan pada Khamis.

di Pusat Inovasi Kraf Batik, Tunjong yang turut dihadiri Ketua Polis Kelantan, Datuk Shafien Mamat.

Mengulas lanjut, Darwis memberitahu, MRL optimis projek ECRL di Kelantan yang merangkumi jajaran 43.86 kilometer akan siap dibina mengikut jadual pada akhir tahun 2026.

Sementara itu, mengulas mengenai Program Mesra ECRL, Darwis berkata, ia adalah program tanggungjawab

sosial korporat (CSR) dalam meraikan ekonomi setempat, sosial, rakyat dan alam sekitar.

“Pihak kami juga mengambil peluang mengadakan sesi temuduga bagi Program Latihan Kemahiran Industri ECRL untuk pengambilan Mac 2022 yang menawarkan latihan dan jawatan bagi yang berminat bekerja dalam projek ini.

“Jumlah tenaga kerja ECRL di Kelantan adalah seramai 672 pekerja dan terdiri warga tempatan,” katanya.